



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmo.com



CABARAN DAN STRATEGI DALAM PENGAJARAN RASM AL-QURAN: SATU KAJIAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

CHALLENGES AND STRATEGIES IN TEACHING RASM AL-QURAN: A STUDY IN INSTITUTIONS OF HIGHER EDUCATION

Siti Intan Dahlia Mohammad Harun^{1*}, Mohd Faisal Mohamed²

¹ Department of Tahfiz al-Quran, Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim, Malaysia
Email: intandahlia@kuijsi.edu.my

² Faculty of Education, Universiti Malaya, Malaysia
Email: sal2005@um.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 08.09.2024
Revised date: 24.10.2024
Accepted date: 07.11.2024
Published date: 16.12.2024

To cite this document:

Harun, S. I. D. M., & Mohamed, M. F. (2024). Cabaran Dan Strategi Dalam Pengajaran Rasm Al-Quran: Satu Kajian Di Institusi Pengajian Tinggi. *International Journal of Modern Education*, 6 (23), 40-49.

DOI: 10.35631/IJMOE.623004

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Rasm al-Quran merupakan kaedah penulisan al-Quran yang penting dalam memastikan keaslian teks sejak zaman Rasulullah SAW. Namun, proses pengajaran ilmu ini di institusi pengajian tinggi berdepan pelbagai cabaran. Antara isu utama adalah kekurangan bahan rujukan yang komprehensif, kekeliruan antara ilmu Rasm, ilmu Dabt al-Quran, dan hubungannya dengan ilmu Qiraat, serta kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran-cabaran utama dalam pengajaran Rasm al-Quran dan mencadangkan strategi untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan melaksanakan temu bual bersama empat orang pensyarah yang mewakili zon Timur, Tengah, Selatan, dan Malaysia Timur. Hasil kajian menunjukkan bahawa kelemahan dalam penguasaan bahasa Arab, keterbatasan penggunaan teknologi dalam proses pengajaran, serta kekurangan bahan rujukan yang mudah diakses dan difahami merupakan cabaran utama yang menghalang keberkesanan pembelajaran. Berdasarkan dapatan ini, kajian mencadangkan peningkatan pengajaran bahasa Arab, pembangunan bahan rujukan yang lebih mesra pengguna, serta perluasan penggunaan teknologi dalam proses pembelajaran. Dengan pelaksanaan strategi-strategi ini, diharapkan kualiti pengajaran Rasm al-Quran dapat dipertingkatkan, seterusnya memelihara keaslian teks al-Quran dan memudahkannya difahami dengan lebih mendalam oleh generasi akan datang.

Kata Kunci:

Rasm al-Quran, al-Qiraat, Cabaran Pengajaran

Abstract:	Rasm al-Quran is an important method of Quranic scriptwriting that ensures the authenticity of the text since the time of Prophet Muhammad (PBUH). However, the teaching of this discipline in higher education institutions faces several challenges. Key issues include the lack of comprehensive reference materials, confusion between Rasm, Dabt al-Quran, and their connection with Qiraat, as well as the students' weak mastery of the Arabic language. This study aims to identify the main challenges in teaching Rasm al-Quran and to propose strategies for improving teaching effectiveness. The study employs a qualitative methodology by conducting interviews with four lecturers representing the Eastern, Southern, East Malaysia, and Central regions. The findings reveal that weak Arabic proficiency, limited use of technology in the teaching process, and the lack of accessible and easy-to-understand reference materials are the primary obstacles hindering effective learning. Based on these findings, the study recommends enhancing Arabic language instruction, developing more user-friendly reference materials, and expanding the use of technology in the learning process. With the implementation of these strategies, the quality of Rasm al-Quran education is expected to improve, thereby preserving the authenticity of the Quranic text and facilitating deeper understanding for future generations.
Keywords:	Rasm al-Quran, al-Qiraat, Teaching Challenges

Pengenalan

Rasm al-Quran merujuk kepada kaedah penulisan mushaf al-Quran yang mengikuti prinsip-prinsip khusus yang telah diwarisi sejak zaman sahabat Nabi Muhammad SAW. Kaedah ini mengekalkan ciri-ciri tertentu dalam penulisan yang telah dilaksanakan oleh para penulis wahyu dan diperakui di sisi baginda Nabi Muhammad SAW sekaligus menjaga kesinambungan penulisan al-Quran ini tanpa perubahan yang menjejaskan makna atau struktur ayat-ayatnya. Pendidikan Rasm al-Quran di institusi pengajian tinggi di Malaysia terutama di kalangan pelajar bidang Tahfiz al-Quran wa al-Qiraat memainkan peranan penting dalam memastikan keutuhan ilmu ini dipelihara. Pada zaman Rasulullah SAW, al-Quran dihafal dan ditulis oleh para sahabat dan *Kuttab al Wahy* namun ia belum disusun dalam satu mushaf yang lengkap sebelum kewafatan baginda (S. M. Ismail, 2012). Para sahabat mengenal susunan ayat dan surah berdasarkan bimbingan langsung daripada Rasulullah SAW (al-Jamad, 2016). Oleh itu, pendidikan Rasm al-Quran amat penting untuk memastikan kaedah penulisan dan susunan yang sahih dapat dikekalkan dan diwarisi oleh generasi akan datang.

Di samping itu, pendidikan Rasm al-Quran di institusi pengajian tinggi membantu pelajar dan pengajar mendalami aspek teknikal dan ilmiah penulisan al-Quran. Program ini membekalkan pengetahuan asas dan melibatkan pelajar dalam kajian mendalam mengenai variasi penulisan dan tafsiran yang mungkin timbul daripada penggunaan Rasm al-Quran (Selamat, Mohd Saad, & Ishak, 2018). Pendekatan ini memberikan kefahaman yang lebih holistik mengenai al-Quran, melahirkan sarjana-sarjana Islam yang berupaya memelihara dan menyebarkan ilmu al-Quran dengan tepat dan berwibawa.

Namun begitu, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh para pensyarah dalam mengajar Rasm al-Quran di institusi pengajian tinggi (Selamat & Yahaya, 2017). Kajian ini akan menengahkan cabaran-cabaran tersebut serta mengenal pasti strategi-strategi yang boleh digunakan oleh pensyarah untuk mengatasi masalah ini

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Meneliti cabaran-cabaran utama yang dihadapi dalam pengajaran Rasm al-Quran di institusi pengajian tinggi.
2. Mengkaji strategi-strategi yang telah dan boleh diaplikasikan untuk mengatasi cabaran-cabaran tersebut, berdasarkan pengalaman pensyarah dan pelajar.
3. Mencadangkan kajian lanjut dalam pelaksanaan pengajaran ilmu Rasm al-Quran.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpulkan data melalui analisis dokumen serta temubual bersama pensyarah dari beberapa institusi pengajian tahfiz di Malaysia. Proses pengumpulan data ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan pengalaman mereka mengenai cabaran yang dihadapi dalam pengajaran Rasm al-Quran serta strategi yang digunakan untuk mengatasinya. Data yang diperoleh kemudian dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan isu-isu cabaran dan strategi dalam pengajaran Rasm al-Quran di institusi pengajian tinggi. Responden dalam kajian ini terdiri daripada empat pengajar Kursus Rasm al-Quran, yang mewakili Zon Timur, Zon Tengah, Zon Selatan, dan Zon Malaysia Timur. Kajian ini memberi tumpuan khusus pada cabaran yang dihadapi oleh para pensyarah dalam mengajar Rasm al-Quran serta strategi yang digunakan untuk mengatasi cabaran tersebut. Penelitian ini juga meneliti keberkesanan strategi-strategi yang digunakan dalam memastikan pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap Rasm al-Quran.

Sejarah Perkembangan Rasm al-Quran

Pada zaman Rasulullah SAW, penulisan al-Quran diamanahkan kepada *katib al-wahyu*, iaitu para sahabat yang diberi tanggungjawab untuk merekodkan wahyu yang diturunkan. Selain daripada hafalan, penulisan wahyu memainkan peranan penting dalam memastikan ketepatan dan keaslian teks al-Quran. Setiap kali ayat al-Quran diturunkan, Rasulullah SAW akan membacanya kepada sahabat, dan para *katib al-wahyu* akan menuliskannya berdasarkan panduan langsung daripada baginda (S. M. Ismail, 2012).

Teks-teks ini ditulis pada pelbagai medium yang ada pada masa itu seperti pelepah tamar, tulang-tulang, dan batu-batu yang rata. Para penulis wahyu ini sentiasa berhati-hati dalam mencatat ayat-ayat yang diturunkan, dengan memastikan mereka memahami arahan Nabi SAW mengenai susunan ayat dan surah. Hal ini adalah penting kerana pada masa itu, al-Quran belum disusun dalam satu mushaf yang lengkap. Dengan adanya panduan yang jelas daripada Nabi SAW, para *katib al-wahyu* dapat menulis ayat-ayat al-Quran dengan tepat dan dapat menjaga bacaan ayat al-Quran. Manakala pengumpulan al-Quran pada zaman Abu Bakar (RA) adalah suatu usaha penting untuk memastikan al-Quran dipelihara dalam bentuk yang tertulis dan sistematik. Langkah ini diambil sebagai respons terhadap ancaman kehilangan sebahagian daripada kandungan al-Quran disebabkan syahidnya ramai penghafaz al-Quran, seperti peperangan al-Yamamah ini. Inisiatif ini menjadi asas penting kepada generasi seterusnya

dalam memelihara keaslian dan integriti al-Quran (ad-Dānī, 2010; al-Jamad, 2016; S. M. Ismail, 2012).

Seterusnya, di zaman Khalifah Uthman ibn Affan, usaha ini diteruskan dan diperluaskan. Khalifah Uthman mengarahkan penghasilan satu naskhah rasmi al-Quran, yang dikenali sebagai Mushaf Uthmani, dan mengedarkannya ke pelbagai wilayah Islam. Mushaf ini ditulis menggunakan kaedah rasm yang standard dan menjadi rujukan utama bagi penulisan al-Quran di seluruh dunia Islam. Penetapan ini membantu dalam mengekalkan keseragaman teks al-Quran dan mengelakkan perbezaan dalam bacaan dan penulisan. Sejak itu, rasm al-Quran telah mengalami beberapa perkembangan tambahan, terutama dalam aspek penggunaan tanda baca dan sistem titik untuk membezakan huruf-huruf yang serupa (al-Jamad, 2016; Mursi, 2008), yang diperkenalkan kemudian untuk memudahkan pembacaan dan pemahaman teks al-Quran. Namun, asas-asas rasm yang ditetapkan pada zaman Khalifah Uthman tetap menjadi panduan utama dalam penulisan al-Quran sehingga hari ini.

Rasm al-Quran melalui perkembangan yang panjang bermula di zaman Rasulullah SAW. Pada peringkat awal, penulisan al-Quran dilakukan secara lisan dengan para Sahabat menghafal dan menyampaikan wahyu kepada generasi seterusnya. Namun, apabila jumlah hafiz (penghafal al-Quran) semakin berkurangan akibat peperangan dan usia, Khalifah Uthman ibn Affan memutuskan untuk mengumpulkan al-Quran dalam satu mushaf yang standard. Mushaf ini dikenali sebagai Mushaf Uthmani, dan Rasm yang digunakan dalam mushaf ini menjadi rujukan utama dalam penulisan al-Quran hingga ke hari ini (al-Habsy, 1999; Al-Qasih, 2006). Rasm al-Quran bukan sahaja melibatkan penulisan huruf tetapi juga pengekalan ciri-ciri tertentu seperti huruf-huruf yang dihilangkan, tanda-tanda panjang, dan pemisahan antara ayat. Semua ini memastikan bahawa teks al-Quran dipelihara dalam bentuk asalnya, walaupun bahasa Arab mengalami perubahan dari segi ejaan dan tatabahasa (al-Sakhawi, 2003).

Perkataan "rasm" dalam bahasa Arab merujuk kepada konsep "*athar*," yang bermaksud peninggalan atau kesan (al-Sakhawi, 2003). Selain itu, istilah lain seperti "*hija*" dan "*kitabah*" dalam bahasa Arab membawa maksud penulisan yang dilakukan dengan menggunakan pena. Dari sudut terminologi, "*rasm*" atau "*Rasm al-Mushaf*" merujuk kepada bentuk penulisan yang digunakan oleh para sahabat pada zaman Rasulullah SAW. Menurut Al-Qasih (2006), terdapat beberapa kategori rasm dalam penulisan bahasa Arab, iaitu "rasm qiyasi" atau "rasm imla'i" dan "rasm istilahi," yang lebih dikenali sebagai "Rasm Uthmani." Rasm ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama berdasarkan kaedah dan penggunaannya dalam penulisan: al-Rasm al-'Arudhi, al-Rasm al-Imla'i, dan al-Rasm al-Uthmani (al-Jamad, 2016).

Al-Rasm al-'Arudhi merujuk kepada bentuk penulisan khas yang digunakan pada akhir frasa dalam syair, di mana struktur penulisannya mengikut pola tertentu yang berkaitan dengan irama dan metrum syair. *Al-Rasm al-Imla'i* pula merujuk kepada penulisan kata atau kalimah dengan menggunakan huruf *hija*' yang mengikuti aturan penulisan yang tepat mengikut permulaan dan pengakhiran kata tersebut (Al-Qasih, 2006). Rasm Uthmani pula merupakan kaedah penulisan al-Quran yang memiliki keunikan dan ciri-ciri tersendiri, bermula pada zaman Nabi Muhammad SAW dan seterusnya diperluaskan pada era pemerintahan Khalifah Uthman RA. Proses penyalinan mushaf-mushaf ini dilakukan dengan teliti, menghasilkan beberapa naskhah yang kemudian dihantar ke wilayah-wilayah Islam seperti Mekah, Basrah, Kufah, dan Syam. Kaedah ini bukan sahaja memastikan penulisan yang teratur tetapi juga memelihara keaslian dan keseragaman teks al-Quran sebagaimana ia diturunkan, sekaligus berperanan penting

dalam menjaga ketepatan dan kesinambungan bacaan al-Quran di kalangan umat Islam sepanjang zaman. Seperti yang dijelaskan oleh ad-Dānī (2010) dalam bukunya "Al-Muqni' fi Rasm Masahif al-Amsar", Rasm Uthmani bukan sahaja berfungsi sebagai alat pengawalan teks tetapi juga sebagai mekanisme yang memastikan keseragaman pembacaan, melindungi teks daripada penyelewengan dan memudahkan pengajaran al-Quran kepada generasi seterusnya. Penulisan dan penyalinan ini adalah sebahagian daripada usaha yang lebih besar untuk mengekalkan integriti teks al-Quran, yang penting dalam memastikan kesinambungan tradisi bacaan al-Quran yang betul di kalangan umat Islam.

Kepentingan Rasm al-Quran

Kepentingan Rasm al-Quran terletak pada peranannya dalam memastikan keaslian teks al-Quran terpelihara. Walaupun berlaku perubahan dalam sistem ejaan dan tatabahasa bahasa Arab, Rasm al-Quran tetap kekal dan digunakan dalam semua cetakan al-Quran. Ini memastikan bahawa umat Islam di seluruh dunia membaca dan memahami al-Quran dalam bentuk yang paling dekat dengan wahyu asal (Aini Mendrofa, Puspita, & Aza, 2024).

Selain itu, Rasm al-Quran juga penting dalam kajian tafsir dan ilmu Qirā'āt (Sya'ban, 2009). Dalam tafsir, pemahaman terhadap Rasm boleh memberi penjelasan terhadap makna ayat-ayat al-Quran (M. F. Ismail, Abdullah, & Said, 2020), terutamanya dalam kes-kes di mana terdapat variasi dalam qiraat. Oleh itu, pengajaran Rasm al-Quran di institusi pengajian tinggi bukan sahaja penting untuk melahirkan hafiz yang cemerlang tetapi juga untuk melahirkan ulama yang mampu mengkaji dan memahami al-Quran secara mendalam.

Kajian Tinjauan di Institusi Tahfiz Terpilih

Dalam kajian ini, temubual yang dijalankan dengan pensyarah Rasm al-Quran dari pelbagai institusi pengajian tinggi tahfiz mewakili 4 zon di Malaysia iaitu zon Timur, Tengah, Selatan, dan Malaysia Timur telah mendedahkan beberapa pengalaman yang sangat berharga. Para pensyarah umumnya bersepakat bahawa salah satu cabaran utama adalah memastikan pelajar mampu memahami dan menerapkan Rasm al-Quran dalam konteks praktikal, bukan sekadar mempelajarinya sebagai teori semata-mata.

Cabaran dalam Pengajaran Rasm al-Quran

Pengajaran Rasm al-Quran di institusi pengajian tinggi, terutamanya di institusi tahfiz, menghadapi pelbagai cabaran unik yang memerlukan pendekatan yang strategik untuk memastikan pelajar dapat menguasai ilmu ini dengan baik.

Kekurangan Kemahiran Bahasa Arab di Kalangan Pelajar

Salah satu cabaran terbesar dalam pengajaran Rasm al-Quran ialah kekurangan kemahiran Bahasa Arab di kalangan pelajar (Selamat & Yahaya, 2017). Ramai pelajar yang memasuki program ini tanpa latar belakang yang kukuh dalam linguistik Arab (H. Ismail, 2024). Ini menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk memahami konsep Rasm al-Quran yang berbeza dengan ejaan moden bahasa Arab serta kurang mahir memahami ayat-ayat dalam *syarah* dan matan kitab atau buku Rasm al-Quran yang digunakan sebagai buku rujukan utama di dalam pengajaran Rasm al-Quran.

Kekurangan Bahan Rujukan dalam Bahasa Melayu

Rentetan daripada masalah kemahiran pelajar dalam bahasa Arab, salah satu cabaran terbesar yang dihadapi oleh pensyarah di institusi tahfiz adalah kekurangan bahan rujukan dalam Bahasa Melayu (Diana, 2020). Kebanyakan kitab rujukan utama untuk Rasm Al-Quran ditulis dalam Bahasa Arab, yang menyulitkan pelajar yang tidak fasih dalam bahasa tersebut. Kekurangan bahan rujukan dalam Bahasa Melayu ini bukan sahaja menyukarkan proses pembelajaran tetapi juga membatasi pelajar daripada memahami konsep-konsep penting dalam Rasm Al-Quran dengan mendalam.

Tambahan pula, walaupun terdapat beberapa kitab terjemahan, kualiti dan ketepatan terjemahan kurang tepat yang boleh menyebabkan kekeliruan dalam memahami isi kandungan (Ahdika, 2017; Phenix, 1962). Pensyarah sering kali perlu menyediakan bahan tambahan atau membuat penerangan lebih lanjut bagi menjelaskan konsep-konsep yang rumit kepada pelajar. Untuk mengatasi cabaran ini, pensyarah sering menggunakan kitab terjemahan yang ada dan menyediakan nota-nota tambahan dalam Bahasa Melayu bagi membantu pelajar memahami kandungan pelajaran dengan lebih baik (H. Ismail, 2024). Namun, usaha ini memerlukan masa dan tenaga tambahan daripada pensyarah, yang sudah sedia tertekan dengan beban tugas pengajaran yang berat.

Kesukaran Pelajar Menghafal Ayat-Ayat Al-Quran

Pengajaran Rasm Al-Quran memerlukan pelajar untuk menghafal banyak ayat Al-Quran, yang menjadi cabaran besar bagi mereka yang kurang mahir dalam hafalan. Hafalan ini penting kerana Rasm Al-Quran berkait rapat dengan penulisan dan ejaan yang digunakan dalam Al-Quran (Hula & Kasim, 2021), yang memerlukan pelajar untuk mengingat dengan tepat setiap ayat dan perinciannya. Pensyarah di institusi tahfiz menekankan kepentingan hafalan dan menggalakkan pelajar untuk terus menghafal ayat-ayat yang relevan secara berterusan.

Namun, dalam keadaan di mana pelajar tidak mempunyai kemahiran hafalan yang kuat, mereka mungkin menghadapi kesulitan dalam mengikuti sukatan pelajaran dengan baik. Kesulitan ini boleh membawa kepada kekurangan keyakinan diri dan motivasi di kalangan pelajar. Oleh itu, beberapa pensyarah mengambil pendekatan yang lebih berstruktur dengan memperkenalkan teknik-teknik hafalan yang lebih berkesan, seperti pembahagian ayat kepada bahagian-bahagian kecil untuk dihafal secara berperingkat. Selain itu, pengulangan yang kerap dan penggunaan kaedah visual atau audio juga diintegrasikan ke dalam proses pengajaran untuk membantu pelajar mengatasi cabaran ini.

Kekeliruan Antara Konsep Rasm dan Qirā'āt

Pelajar sering mengalami kekeliruan antara konsep Rasm dan Qirā'āt (Sya'ban, 2009). Kekeliruan ini timbul kerana Rasm Al-Quran merujuk kepada bentuk penulisan Al-Quran yang khusus, sementara Qiraat merujuk kepada kepelbagaian dalam bacaan Al-Quran yang *mutawatir* (Sukamta, 2019). Kekeliruan ini mengganggu pemahaman mereka terhadap subjek Rasm Al-Quran secara keseluruhan, terutama apabila pelajar keliru mengenai cara penulisan dan cara bacaan yang sepatutnya digunakan dalam konteks yang berbeza.

Bagi menangani isu ini, pensyarah memberikan penerangan yang jelas mengenai perbezaan antara kedua-dua konsep ini, serta menekankan bahawa fokus utama dalam kelas Rasm adalah pada aspek penulisan, bukan bacaan. Pensyarah juga kerap menggunakan contoh-contoh praktikal daripada Al-Quran untuk menunjukkan perbezaan antara Rasm dan Qiraat secara

langsung. Mereka mungkin mengadakan sesi perbincangan khusus atau tutorial tambahan untuk memastikan pelajar memahami konsep-konsep ini dengan betul. Selain itu, pensyarah juga menggalakkan pelajar untuk merujuk kepada mushaf Al-Quran yang telah disediakan mengikut Rasm Uthmani sebagai rujukan utama untuk mengurangkan kekeliruan.

Kesukaran Mengintegrasikan Teori dan Praktikal

Cabaran lain yang dihadapi dalam pengajaran Rasm al-Quran ialah kesukaran untuk mengintegrasikan teori dan praktikal. Rasm al-Quran bukan sahaja memerlukan pelajar memahami teori penulisan dan ejaan tetapi juga mampu menerapkan pengetahuan ini dalam pembacaan dan penulisan al-Quran.

Namun, ramai pelajar menghadapi kesukaran untuk menghubungkan teori dengan amalan. Sebagai contoh, pelajar mungkin memahami konsep Rasm tetapi gagal untuk mengaplikasikannya dengan betul dalam penulisan. Ini menyebabkan pelajar tidak mencapai prestasi yang memuaskan dalam kedua-dua aspek teori dan praktikal.

Kurangnya Bahan Rujukan yang Komprehensif

Masalah kekurangan bahan rujukan yang komprehensif juga merupakan cabaran utama dalam pengajaran Rasm al-Quran. Walaupun terdapat banyak kajian mengenai Rasm al-Quran, bahan rujukan yang sesuai dengan tahap pelajar di institusi pengajian tinggi masih terhad. Kebanyakan bahan rujukan yang ada terlalu kompleks dan tidak disusun mengikut silibus yang jelas, menyebabkan pelajar sukar untuk memahami topik-topik yang diajar.

Tambahan pula, terdapat kekurangan bahan rujukan dalam bahasa Melayu, yang merupakan bahasa pengantar utama di kebanyakan institusi pengajian tinggi di Malaysia. Pelajar yang tidak fasih dalam bahasa Arab atau bahasa Inggeris mungkin menghadapi kesukaran untuk memahami bahan rujukan yang tersedia, dan ini boleh menjejaskan prestasi mereka dalam subjek ini.

Strategi untuk Mengatasi Cabaran

Pengukuhan Bahasa Arab

Untuk mengatasi masalah kekurangan kemahiran Bahasa Arab, institusi pengajian tinggi perlu menyediakan kursus persediaan atau *foundation* sebelum pelajar memulakan pengajian dalam Rasm al-Quran. Dengan pengetahuan ini, pelajar akan lebih bersedia untuk memahami konsep-konsep yang lebih kompleks dalam Rasm al-Quran. Selain itu, kursus ini juga boleh membantu pelajar memahami perbezaan antara Rasm al-Quran dan ejaan moden bahasa Arab, sekaligus mengurangkan kesalahan dalam penulisan.

Penggunaan Kaedah Pengajaran Berasaskan Latihan

Mengintegrasikan teori dan praktikal boleh dicapai melalui pendekatan pengajaran yang lebih interaktif dan berasaskan amalan. Pensyarah boleh menggunakan teknik seperti pembelajaran berasaskan masalah (*problem-based learning*), di mana pelajar diberi tugas untuk menganalisis dan menulis Rasm al-Quran.

Selain itu, pembelajaran berpasukan juga boleh digunakan untuk menggalakkan pelajar berbincang dan saling membantu dalam memahami topik yang sukar. Dengan cara ini, pelajar

dapat menghubungkan teori dengan amalan secara lebih efektif, dan ini boleh meningkatkan prestasi mereka dalam kedua-dua aspek teori dan praktikal.

Pembangunan Bahan Rujukan yang Lebih Mudah Dicapai


Untuk mengatasi masalah kekurangan bahan rujukan, kerjasama antara pensyarah dan penyelidik perlu diperkukuhkan untuk menghasilkan bahan rujukan yang lebih komprehensif dan sesuai dengan tahap pengajian pelajar. Bahan rujukan ini perlu disusun secara sistematik mengikut silibus, dengan penjelasan yang jelas dan contoh-contoh yang mudah difahami. Di samping itu, penerbitan bahan rujukan dalam bahasa Melayu perlu digalakkan untuk memudahkan pemahaman pelajar tempatan. Ini boleh membantu pelajar yang tidak fasih dalam bahasa Arab atau bahasa Inggeris untuk memahami topik-topik yang diajar, sekaligus meningkatkan prestasi mereka dalam subjek ini.

Peningkatan Kemahiran Teknologi dalam Pengajaran

Dalam era pengajaran dalam talian, pensyarah dan pelajar perlu dibekalkan dengan kemahiran teknologi yang mencukupi untuk mengendalikan platform pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Latihan intensif dan bengkel boleh dianjurkan untuk membiasakan mereka dengan perisian dan alat digital yang boleh membantu dalam pengajaran Rasm al-Quran.

Selain itu, platform pengajaran dalam talian perlu dioptimumkan untuk membolehkan pembelajaran yang lebih interaktif dan visual, memandangkan sifat visual Rasm al-Quran yang kritikal. Dengan cara ini, pelajar dapat memahami detail-detail kecil dalam Rasm al-Quran dengan lebih baik, walaupun dalam persekitaran dalam talian.

Rajah 1



Rajah 1 Menunjukkan Strategi Pengajaran Rasm Al-Quran Bagi Mengatasi Cabaran Pengajaran.

Cadangan

Kajian ini mencadangkan agar pengajaran rasm al-Quran dapat memberi fokus kepada modul khusus yang memberi tumpuan kepada aspek-aspek tertentu Rasm al-Quran yang dapat meningkatkan kefahaman pembelajaran pelajar. Selain itu, kolaborasi antara institusi pengajian tinggi dengan pusat-pusat tahfiz boleh ditingkatkan untuk mengukuhkan kurikulum Rasm al-Quran dan menjadikannya lebih relevan dengan keperluan semasa. Penggunaan teknologi dalam pengajaran Rasm al-Quran juga perlu diperkukuhkan. Ini termasuk penggunaan perisian dan aplikasi untuk latihan penulisan al-Quran. Dengan cara ini, pengajaran Rasm al-Quran boleh terus relevan dan efektif dalam era digital ini.

Kesimpulan

Rasm al-Quran adalah elemen penting dalam pendidikan al-Quran dan memainkan peranan kritikal dalam mengekalkan keaslian teks al-Quran. Walaupun terdapat pelbagai cabaran dalam pengajaran Rasm al-Quran di institusi pengajian tinggi, strategi yang sesuai boleh diaplikasikan untuk mengatasinya. Dengan pendekatan yang lebih interaktif, penggunaan teknologi yang sesuai, dan penyediaan bahan rujukan yang komprehensif, pengajaran Rasm al-Quran dapat dipertingkatkan dan lebih ramai pelajar akan dapat menguasainya dengan baik. Kajian kualitatif ini memberikan pandangan yang berguna untuk pemahaman yang lebih mendalam mengenai cabaran dan strategi dalam pengajaran Rasm al-Quran, serta menyediakan asas untuk kajian lanjut dan penambahbaikan dalam bidang ini.

Saranan Kajian Lanjutan

Sebagai kesimpulan, kajian lanjut perlu dilakukan untuk terus memperbaiki kaedah pengajaran Rasm al-Quran, terutamanya dalam aspek penggunaan teknologi dan pembangunan bahan rujukan. Penyelidikan lanjut juga boleh memfokuskan kepada kajian perbandingan antara pendekatan pengajaran Rasm di pelbagai institusi pengajian tinggi, untuk mengenal pasti amalan terbaik yang boleh dikongsi dan diterapkan secara meluas.

Dengan usaha-usaha berterusan, pengajaran Rasm al-Quran di institusi pengajian tinggi dapat ditingkatkan, memastikan bahawa generasi seterusnya terus memelihara dan memahami keindahan serta kepentingan penulisan al-Quran yang telah diwarisi sejak zaman Rasulullah SAW.

Penghargaan

Dengan penuh rasa syukur, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan serta sokongan dalam menjayakan artikel ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada para pensyarah, rakan penyelidik, dan pelajar yang telah berkongsi ilmu, pengalaman, serta pandangan yang bernilai sepanjang tempoh kajian ini. Sumbangan intelek dan komitmen kalian amatlah saya hargai. Penghargaan khas juga saya tujukan kepada institusi yang telah menyediakan segala kemudahan dan sokongan yang diperlukan. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih yang tulus kepada keluarga serta rakan-rakan, tanpa kehadiran kalian, penyempurnaan artikel ini sukar menjadi kenyataan. Akhir kata, semoga segala usaha serta kerja keras yang telah dicurahkan mendapat rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT. Saya berharap artikel ini akan memberikan sumbangan yang bermanfaat kepada bidang ilmu al-Quran dan Pendidikan al-Quran. Terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat, dan semoga kita terus maju dan berjaya dalam setiap usaha yang diceburi.

Rujukan

- Al-Dānī, A. A. S. (2010). *Al-Muqni' fī Ma'rifat Marasm Maṣāḥif Ahl al-Ansār* (F. I. S. A. al-Suhailī, Ed.). Dār al-Lubnānīyah i. S. (2010). *Al-Muqni' fī Ma'rifat Ma Rasm Maṣāḥif Ahl al-Ansār* (F. i. S. i. A. al-Suhailī Ed.): Dār al-Lubnānīyah.
- Ahdika, A. (2017). Improvement of quality interest, critical and analytical thinking ability of students through the application of research-based learning (RBL) in introduction to stochastic processes subject. *International Electronic Journal of Mathematics Education*, 12(2), 167-191
- Aini Mendrofa, I. N., Puspita, S. W., & Aza, D. M. (2024). Penulisan Al-Qur'an dengan Rasm Uthmani. *Jurnal Penelitian Pendidikan Indonesia (JPPI)*, 1(2), 277-284.
- Al-Habsy, M. (1999). *Al-Qiraat al-Mutawatirah wa Atharuha fī al-Rasm al-Qurani wa al-Ahkam al-Syar'iyah*. Damsyiq: Dar al-Fikr al-Maasir
- Al-Jamad, G. Q. (2016). *al-Muyassar fī Ilmi Rasm al-Mushaf wa Dabtihi*. Maahad Imam al-Syathibi, Jeddah.
- Al-Qasih, A. A.-B. A. B. U. B. M. B. (2006). *Syarh Talkhīs al-Fawā'id wa Taqrīb al-Mutabā'id 'ala 'Aqilah atrāb al-Qasā'id fī 'ilmi al-Rasm*. Tanta: Dar al-Sahabah.
- Al-Sakhawi. (2003). *Kitab al-Wasilah ila Kasyfi al-Aqilah*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Diana, N. (2020) *Pembelajaran Rasm al-Quran di Darul Quran/Interviewer: S. I. Dahlia*.
- Hula, I. R. N., & Kasim, A. (2021). Al-Qawaid Al-Sittah dalam Rasm Al-Mushaf (Six Rules of Rasm and the Uniqueness in Qur'an). *A Jamiy: Jurnal Bahasa Dan Sastra Arab*, 10(2), 385-418.
- Ismail, H. (2024) *Kaedah Pelaksanaan Pengajaran Rasm al-Quran/Interviewer: S. I. D. M. Harun*.
- Ismail, M. F., Abdullah, W. R. W., & Said, W. M. (2020). Pengenalan tawjih rasm uthmani dan hubungannya dengan ilmu tafsir. *Jurnal Al-Sirat*, 19(1), 58-66.
- Ismail, S. M. (2012). *Rasm al-Mushaf wa Wasilatuhu bayna al-Tawqif wa al-Ishtilahat al-Muḥdatha*. Kaherah, Mesir: Dar al-Salam li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-Tarjamah.
- Mursi, T. (2008). *Al-Dabt al-Mushafi, Nasy'atuhu wa Tatawaruhu*.
- Phenix, P. H. (1962). *The use of the disciplines as curriculum content*. Paper presented at the The educational forum.
- Selamat, A. F., Mohd Saad, F. A., & Ishak, H. (2018). Keperluan Penambahbaikan Pembelajaran Rasm Uthmani dan Dabt al-Quran. *Jurnal al-Turath*, 3(2).
- Selamat, A. F., & Yahaya, M. (2017). *Pengetahuan Rasm Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Semester Pertama Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Alqiraat*, KUIS. Paper presented at the Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017).
- Sukamta, S. (2019). Al-'Alāqah Bayn Al-Nutq Wa Al-Hurūf Fī Al-Masāḥif Al-Mabniyyah 'Alā Al-Rasm Al-'Uṣmānī: Dirāsah 'An Al-HKam Warā'a Ikhtilāf Rasm Ba'd Al-Kalimāt Al-Qur'āniyyah 'Alā Al-Rasm Al-'Imlā'ī. *Indonesian Journal of Islamic Literature and Muslim Society*.
- Sya'ban. (2009). *A'laqah al-Qiraat bi al-Rasm al-Uthmani*. Tanta: Dar al-Sahabah bi al-Turath.